

## **KEMUNGKINAN TAHAP KESEDIAAN PENGUSAHA IKS TERHADAP PELAKSANAAN TPP: BERDASARKAN TEORI TINDAKAN (TTB)**

**Fadilah Mat Nor  
Ain Afiqah Hamidi  
Murni Yunus Mawar  
Aza Shahnaz Azman**

Faculty of Management & Muamalah  
Selangor International Islamic University College  
Bandar Seri Putra, Bangi, Selangor, Malaysia  
[fadilahmn@kuis.edu.my](mailto:fadilahmn@kuis.edu.my), [ainafiqah.ah@gmail.com](mailto:ainafiqah.ah@gmail.com)  
[mawarmurni@kuis.edu.my](mailto:mawarmurni@kuis.edu.my), [azashahnaz@kuis.edu.my](mailto:azashahnaz@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk mengukur kemungkinan tahap kesediaan pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) terhadap pelaksanaan TPPA. Kajian ini merupakan kajian kes di kawasan IKS di Kampung Kanchong Darat yang terkenal dengan perusahaan kecil kecilan terutamanya industri makanan ringan. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah soal selidik dimana seramai 100 orang pengusaha dari pelbagai latar belakang pendidikan dan pendapatan telah diambil sebagai sampel. Kaedah persampelan yang terlibat ialah kaedah persampelan rawak mudah. Kertas kerja ini akan menggunakan teori tindakan beralasan sebagai dara untuk mengukur tahap kesediaan dan kesanggupan pengusaha IKS menghadapi TPPA yang bakal dilaksanakan. Kaedah regrasi berganda digunakan untuk melihat hubungkait antara sikap dan norma subjektif mempengaruhi secara positif dan signifikan terhadap niat bersedia dengan pelaksanaan TPPA. Hasil dari kajian mendapati tahap kesediaan responden terhadap TPPA adalah berada ditahap sederhana Beberapa langkah juga telah dicadangkan bagi meningkatkan tahap kefahaman pengusaha terhadap pelaksanaan TPPA pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** TPPA, pengusaha IKS, tahap kesediaan, Teori Tindakan Beralasan

---

### **1. Pengenalan**

Hari ini, kerajaan telah melihat Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) adalah satu bentuk perjanjian yang barudan akan mempunayi potensi untuk membawa negara melangkah ke masa depan. Sebelum Malaysia melibatkan diri di dalam rundingan TPPA, Malaysia telah pun melaksanakan beberapa Perjanjian Perdagangan Bebas atau FTA dengan negara-negara lain seperti negara-negara ASEAN, China, Jepun, India, Pakistan, Republik Korea, Australia, Chile dan New Zealand. Perdagangan Malaysia telah meningkat sebanyak tujuh kali ganda dengan

pelaksanaan FTA-FTA ini. Nilai pelaburan asing juga telah meningkat sebanyak tiga kali ganda. TPPA telah mengambil pendekatan memastikan kepentingan IKS diambilkira dalam semua bidang yang dirundingkan. Dalam pada itu, TPPA merupakan Perjanjian Perdagangan Bebas yang pertama di dunia yang memberi penekanan dan perhatian kepada IKS dengan mengadakan satu Bab khusus mengenai IKS.

Kerajaan mengambil maklum bahawa IKS memberikan sumbangan besar kepada ekonomi dan perdagangan Malaysia dan perlu diberikan perlindungan yang sewajarnya. Barang yang diklasifikasikan sebagai “sensitif”, penghapusan tarif akan dibuat dalam tempoh masa yang lebih panjang. Antara barang tersebut adalah perabot, plastik, getah dan komponen Eletrikal dan Eletronik. Dalam Bab Perolehan Kerajaan, terdapat satu obligasi khusus berkaitan kemudahan penyertaan IKS dalam pasaran perolehan Kerajaan. Obligasi tersebut menjamin kepentingan IKS tidak diabaikan. Selain itu, dalam rundingan TPPA, Kerajaan juga mengambil pendekatan untuk mengecualikan pasaran perolehan Kerajaan yang dikhaskan kepada IKS tempatan daripada dibuka untuk ditawarkan kepada IKS rakan runding TPPA. Dengan wujudnya pasaran yang lebih luas bagi produk-produk Malaysia termasuk produk-produk IKS dengan negara-negara TPPA ianya akan memberi peluang kepada IKS untuk memasarkan produk-produk mereka kepada syarikat-syarikat asing dalam rangkaian pembekalan global. Ini secara tidak langsung, akan menjadikan IKS lebih berdaya saing.

### **Pernyataan Masalah**

Secara umumnya pemahaman rakyat Malaysia masaa kini mengenai maklumat perjanjian TPPA dan manfaatnya kepada negara masih lagi di tahap yang rendah. Kebanyakan masyarakat masih lagi tidak menyedari bahawa pada masa sebelum ini Malaysia telah melaksanakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan negara ASEAN.

Ramai pihak bimbang industri IKS tidak dapat bersaing di bawah TPPA. Hakikatnya di bawah FTA sedia ada, pasaran kita sudah pun terbuka, dengan duti import ke atas lebih 90% produk yang masuk ke Malaysia telah pun dimansuhkan. IKS diutamakan di dalam TPPA. Satu bab khusus diwujudkan iaitu usaha bersama kesemua ahli TPPA akan diadakan untuk membina upaya IKS.

Di samping itu kerajaan telah pun mempunyai pelbagai program bina upaya untuk membantu IKS mengambil peluang yang wujud di bawah TPPA. IKS di Malaysia telah pun terlibat dalam pasaran eksport iaitu 18%. 51% IKS adalah dalam sektor perkhidmatan dan 48% sektor pembuatan. TPPA akan membuka peluang yang lebih besar kepada IKS (sumber) Oleh itu, pengkaji akan membuat kajian mengenai kefahaman dan kesediaan pengusaha terhadap TPPA di kawasan Kanchong Darat Banting untuk mengenalpasti sama ada kefahaman dan kesediaan populasi di kawasan tersebut lebih positif atau negatif mengenai perjanjian TPPA yang baru ini.

### **Objektif Kajian**

Terdapat dua objektif bagi kajian ini. Tujuan makalah ini adalah untuk mengukur kemungkinan tahap kesediaan pengusaha IKS terhadap pelaksanaan TPPA. Dengan menggunakan TTB, kajian juga cuba melihat pengaruh sikap dan norma subjektif terhadap kesediaan Pengusaha IKS menghadapi pelaksanaan TPPA.


### **Skop Kajian**

Skop kajian ini akan melibatkan 100 orang responden di sebuah kawasan Kanchong Darat Banting, Selangor Darul Ehsan. Borang soal selidik ini akan digunakan sebagai instrumen kajian dan telah diedarkan kepada 100 orang responden. Responden yang terlibat terdiri daripada pengusaha-pengusaha IKS. Pengkaji memilih secara rawak yang melibatkan pengusaha daripada pelbagai sektor perusahaan yang terlibat. Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai perusahaan perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan dengan pusing ganti tahunan tidak melebihi RM25 juta dan menggaji kakitangan sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. Di Malaysia terdapat pelbagai peluang usaha niaga berbentuk IKS yang mendapat sokongan penuh daripada kerajaan (Kementerian Penerangan Malaysia). Justeru kajian akan menggunakan definisi ini untuk mengklasifikasikan pengusaha-pengusaha IKS mengikut jenis-jenis tersebut.

### **Kutipan Data dan Persampelan**

Populasi bagi kajian ini ialah pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS). Lokasi ini dipilih berdasarkan populariti kawasan kanchong Darat sebagai kawasan industri kecil kecilan terumatamnya industri makanan ringan. Data yang digunakan adalah data primer yang dikumpulkan melalui kaedah soal selidik kepada responden yang terlibat. Kajian menggunakan persampelan rawak mudah serta soal selidik diedarkan sendiri (serahan tangan) kepada responden.

## **2. Metodologi Kajian**



Rajah 1. Teori tindakan beralasan (Ajzen & Fishbein, 1980).

Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian yang dibina oleh Ajzen iaitu Teori Tindakan Beralasan (*theory of Reasoned action*) (TTB). TTB merupakan satu model teoritikal psikologiyang popular dan sering digunakan dalam menerangkan pelbagai situasi gelagat. Di dalam TTB niat (intention) merupakan focus utama teori ini. Bermakna menurut TTB, niat melakukan sesuatu dipengaruhi oleh sikap dan norma subjektif. Walaubagaimanapun agak sukar mencari leteratur yang mengkaji TTB dengan kesediaan terhadap sesuatu dasar. TTB banyak digunakan didalam mengukur kapatuhan terhadap cukai, zakat dan kebanyakkan dasar pemerintah.

Melihat kepentingan niat yang merupakan pencetus utama tindakan,kajian ini menggunakan TTB sebagai angkubah-angkubah untuk mengukur apakah kemungkinantahap kesediaan pengushaa IKS tehadap dasar pelaksanaanTPPA. Niat

gelagat merupakan landasan paling tepat bagi meramalkangelagat (fishben & Ajzen 1975). Sikap terhadap gelagat didefinisikan sebagai “darjah penilaian baik atau tidak baik seseorang bagi sesuatu gelagat (Ajzen 1991 halaman 188). Maka dalam kajian ini sikap pengusaha diukur dengan melihat kesediaanya mencari maklumat, bersikap proaktif dan optimis, bersedia untuk patuh dengan arahan dan undang-undang TPPA serta tidak mengambil sikap berkecuali. Norma subjektif puladitakrifkansebagai “tanggapan terhadap tekanan social sama ada untuk melaksanakan atau tidak gelagat tersebut (Ajzen 1991 hlmn 188). Dalam konteks kajian ini, pengkaji merujuk pihak berwajib yang berkaitan sebagai kumpulan social sebagai kumpulan rujukan dan penyulur maklumat mengenai dasar dan pelaksanaan TPPA.

Untuk proses analisa data pula, setiap pembolehubah diuji dengan analisis kebolehpercayaan (reliability) mengikut kaedah konsistensi dalaman iaitu kaedah yang menetukan darjah korelasi di antara item-item yang mengukur konsep yang sama. Kaedah yang umum yang popular digunakan ialah Cronbach Alpha (Churhill 1979; Nunnaly 1978) dimana nilai Cronbach Alpha yang melebihi 0.70 hingga 0.90 dianggap baik. Analisis factor turut diaplikasikan bagi tujuan memastikan setiap pembolehubah kajian ini berada pada kedudukan berunitmensi. Setiap demensi ini akan digunakan sebagai input bagi analisis regresi berganda (multiple regression). Nilai eigenvalues yang melebihi 1.0 bagi setiap faktor dianggap signifikan dan nilai KMO melebihi 0.70 dianggap baik (Hair et al, 1998). Regresi berganda (*multiple regression*) digunakan bagi tujuan analisis kajian ini. Pemboleh ubah bebas hasil daripada analisis faktor dijadikan input dalam model regresi ini sebagai fungsi kepada niat gelagat kesediaan terhadap TPPA. Model regresi berganda yang akan diuji yang akan dibentuk seperti berikut:

$$NGK = \alpha + \beta_1 C_1 + \beta_2 C_2 + e$$

di mana:

- $NGK$  : niat gelagat kesediaan terhadap pelaksanaan TPPA  
 $\alpha$  : nilai konstan  
 $\beta_1$  dan  $\beta_2$  : koefisien angkubah masing-masing  
 $C_1$  dan  $C_2$  : pemboleh ubah sikap dan norma subjektif  
 $e$  : ralat

### **Analisis Taburan Kekerapan Responden**

Seramai 100 sampel telah digunakan untuk membuat kajian ini. Sampel kajian dikategorikan kepada beberapa ciri-ciri demografi iaitu seperti jantina, umur, jenis perniagaan, tahap pendidikan, tahap pendapatan kasar bulanan, dan status perkahwinan. Taburan frekuensi kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua jantina lelaki dan perempuan masing-masing 52% dan 48%. Rata-rata responden yang menjawab soal selidik ini berumur diantara 41 hingga 50 tahun iaitu sebanyak 32%. Jika dilihat dari sudut taburan umur, kebanyakkan responden terdiri daripada mereka yang berumur 40an. Manakala responden yang berumur 50an keatas hanyalah kurang drai 10% daripadanya. Dari sudut jenis perniagaan yang diusahakan hampir separuh daripada responden mengusahakan perusahaan makanan dan minuman iaitu sebanyak 44% bersesuaian dengan jolokan kawasan ini sebagai kawasan yang popular dengan perusahaan makanan ringan bumiputra. Tahap pendidikan responden memperlihatkan kebanyakkan responden hanya memiliki SPM dan setara dengannya dengan 31% daripada keseluruhan responden dan diploma sebanyak 26%.

Membincangkan tentang dasar percuakan tidak dapat lari dari isu pendapatan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak. Di dalam kajian ini, pendapatan responden dilihat agak bertaburan normal, dengan pkumpulan pendapatan kasar paling tinggi ialah di sekitar RM4000-RM5001. Manakala 16% mereka yang berpendapatan kurang RM1000 telah menjawab soal selidik ini. Seterusnya sampel responden dikelaskan mengikut status perkahwinan mereka iaitu bujang dan berkahwin. Peratusan paling tinggi ialah 73% daripada sampel telah pun berkahwin, manakala selebihnya yang mewakili status bujang peratusannya ialah 27%.

Dapatkan juga mendapati, kebanyakkan responden tidak mempunyai gambaran bagaimana ia membantu perniagaan sedia ada dengan terlaksananya TPPA di Malaysia. Pendapat ini dibuktikan dengan dapatkan 74% daripada responden menjawab tiada gambaran mengenainya. Manakala 13% yakin TPPA akan meningkatkan produktiviti dan kecekepan susulan daripada pesaing. Manakala kebaikan dan manfaat lain dilihat mendapat score yang sangat rendah iaitu dibawah 5%.

Daripada dapatan kajian juga, kebanyakkan responden berpendapat untuk tidak mengeksport barang keluaran mereka iaitu sebanyak 65%, sebaliknya 29% daripada nya tidak akan melakukan sebarang perubahan dan hanya 6% sahaja menyatakan kesediaan untuk mendepani cabaran untuk mengeksport barang keluaran mereka. Dapatkan ini mungkin disebabkan oleh ketiadaan maklumat untuk menghadapi cabaran TPPA yang akan dibincangkan kemudian.

### **3. Analisis Teori Tindakan Beralasan terhadap Kemungkinan Kesediaan Responden**

#### ***Analisis Keputusan***

Ujian kebolehpercayaan menunjukkan ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut melepassi 0.70, iaitu panduan minima yang dicadangkan oleh Nunnally (1978). Nilai *cronbach alpha* bagi pemboleh ubah niat gelagat kesediaan, sikap dan norma subjektif masing-masing adalah 0.81, 0.72, dan 0.80. Pemeriksaan ke atas matrik data pula menunjukkan bahawa penggunaan analisis faktor adalah bersesuaian di mana nilai *KMO* melebihi 0.70 (Hair et al., 1998). Nilai *KMO* bagi niat gelagat kepatuhan cukai jualan tempatan, sikap terhadap cukai jualan tempatan dan norma subjektif masing-masing adalah 0.70, 0.73, dan 0.79. Justeru, instrumen yang digunakan bagi mengukur data ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut berada pada kedudukan yang baik.

Ujian kenormalan kajian ini menggunakan kaedah statistic kepencongan (skewness) dan kurtosis iaitu dengan mengandaikan semua pemboleh ubah adalah normal jika nilai kepencongan dan kurtosis berkedudukan kurang daripada  $\pm 2.58$  (Hair et al., 1998). Keputusan kajian menunjukkan nilai *skewness* dan *kurtosis* bagi semua pemboleh ubah berada pada kedudukan yang baik dan mencapai tahap kenormalan seperti yang disarankan ( $\pm 1.09$ ). Setiap pemboleh ubah bebas diuji bagi melihat kemungkinan timbulnya masalah multikolineariti. Pengujian multikolineariti dibuat antara pemboleh ubah bebas dengan niat gelagat. Keputusan menunjukkan bahawa setiap petunjuk bagi nilai *variance inflation factor* (VIF) dan *tolerance* menandakan tidak terdapat sebarang masalah multikolineariti yang serius. Nilai VIF yang diperoleh tidak melebihi 10 dan nilai *tolerance* tidak melebihi 0.10 seperti yang disarankan oleh Hair et al. (1998). Hal ini turut disokong apabila nilai indeks syarat (*condition index*) yang mempunyai nilai *threshold* melebihi 30 tiada pekadaran

pekali varian (*proportion of coefficient variance*) bagi pemboleh ubah peramal yang berkaitan apabila nilai 0.90 dan ke atas bagi dua atau lebih pekali. Oleh itu, kedudukan ini menggambarkan semua pemboleh ubah dalam kajian ini tidak mempunyai masalah multikolineariti yang serius (Hair et al., 1998).

**Jadual 1: Analisis Regresi Berganda Niat Kesediaan Pelaksanaan TPPA**

| Koefisien         |         |                              |                        |       |        |
|-------------------|---------|------------------------------|------------------------|-------|--------|
|                   |         | Koefisien<br>tidak terpiawai | Koefisien<br>Terpiawai |       |        |
| Model             | $\beta$ | Sisihan<br>Piawai            | Beta                   | t     | Sig    |
| Peramal (konstan) | 5.160   | 1.675                        |                        | 3.081 | 0.003* |
| Sikap             | 0.353   | 0.053                        | 0.544                  | 6.662 | 0.000* |
| Norma Subjektif   | 0.186   | 0.071                        | 0.214                  | 2.618 | 0.015* |

*Peramal (konstan): sikap, Norma subjektif*

*Pembolehubah Bersandar: Niat Gelagat Kesediaan Pengusaha*

*Adjusted R = 0.601, R square = 0.78 , F statistics=33.821 , Sig = 0.000*

\* $p<0.05$

Jadual 1 memaparkan keputusan analisis berganda bagi pemboleh ubah sikap dan norma subjektif terhadap niat gelagat kesediaan Pengusaha IKS. Sejumlah hampir 78% varian (R-square) bagi niat kesediaan diterangkan oleh pemboleh ubah sikap dan norma subjektif. Jadual 4 tersebut juga menunjukkan pemboleh ubah bebas berkenaan berhubungan secara signifikan dengan niat gelagat kesediaan terhadap pelaksanaan TPPA. Kedua-dua pemboleh ubah bebas tersebut berkait secara positif dan signifikan pada tahap  $\rho <0.05$ . Keputusan juga menunjukkan pemboleh ubah sikap memberi kesan yang paling kuat berbanding dengan norma subjektif. Berdasarkan analisis di Jadual 4, model regresi berganda yang dapat dibentuk ialah seperti berikut:

$$NGK = 5.160\alpha + 0.353C_1 + 0.186C_2 + e$$

di mana:

$NGK$  : niat gelagat kesediaan terhadap pelaksanaan TPPA

$C_1$  dan  $C_2$  : pemboleh ubah sikap dan norma subjektif

$e$  : ralat

#### **4. Perbincangan dan Kesimpulan**

Dapatan yang dibentang diatas menunjukkan Teori Tindakan Beralasan sesuai digunakan dalam mengukur niat kesediaan pengusaha IKS terhadap pelaksanaan TPPA. Walaupun dalam persekitaran yang berbeza daripada kajian yang sebelumnya yang lebih banyak menguji teori ini dengan kepatuhan terhadap cukai dan pelbagai jenis zakat. Berdasarkan dapatan kajian, kedua-dua pembolehubah iaitu sikap dan norma subjektif berkaitan secara positif dan signifikan terhadap niat gelagat kesediaan pelaksanaan TPPA. Keputusan ini walaupun dalam persekitaran yang berbeza menyokong teori yang dibangunkan oleh Fishbein dan Ajzen (1975) yang

memberi penekanan dua pemboleubah ini dalam mepengaruhi niat untuk bersedia dan menerima pelaksanaan TPPA.

Dapatkan menunjukkan dengan jelas bahawa, sikap yang positif dan optimis terhadap pelaksanaan TPPA amat penting dan mempengaruhi niat pengusaha untuk lebih bersedia dan sanggup mendepani cabaran pelaksanaan TPPA. Pendekatan Kerajaan dalam memupuk sikap ini perlulah difikirkan dalam usaha membentuk sikap pengusaha yang sebegini. Contohnya penyaluran maklumat yang baik dan berkesan dan mendekati golongan ini dengan lebih rapat. Keputusan kajian juga membuktikan norma subjektif juga mampu menerangkan dan mempengaruhi niat gelagat kesediaan pengusaha IKS terhadap pelaksanaan TPPA. Dengan memainkan peranan yang betul dan tepat kumpulan rujukan yang dimaksudkan seperti Jabatan Penerangan, Kementerian Perdagangan dan pihak berwajib lain boleh membantu pengusaha untuk lebih bersedia dan menerima pelaksanaan TPPA.

## Rujukan

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211.
- Ajzen, I. (2002). Perceived behavioural control, self-efficacy, locus of control, and the theory of planned behavior. *Journal of Applied Social Psychology*, 32, 1–20.
- Ajzen, I., & Driver, B. L. (1992). Application of the theory of planned behaviour to leisure choice. *Journal of Leisure Research*, 24(3), 207–224.
- Ajzen, I., & Madden, T. J. (1986). Prediction of goal directed behavior: Attitudes, intentions, and perceived behavioural control. *Journal of Experimental Social Psychology*, 22, 453–474.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Englewood Cliff s: Prentice Hall.
- Bobek, D. D. (1997). *Tax fairness: How do individuals judges fairness and what effects does it have on their behavior*. (Doctoral dissertation thesis). University of Florida, Gainesville.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, attitude, intention, and behavior: An introduction to the theory and research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. (1998). *Multivariate data analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Zainol Bidin & Kamil Md. Idris. (2009). *Ramalan Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji: Perbandingan Teori*. IJMS 16 UUM.
- Zainol Bidin, Zolkafli Hussin & Shalihen Mohd Salleh. (2011). *Pengaruh Sikap dan Norma Subjektif Terhadap Niat Gelagat Kepatuhan Cukai Jualan Tempatan*, IJMS 18 (2), 237–251.